

ENAKMEN PERWAKILAN KUASA 1963

DULIE SHAHIEDAN BIN HAMDAN

PENGENALAN

- Berkuatkuasa – **9.10.1963**
- Merangkumi **13** seksyen

Seksyen 2 (Kuasa YDPN untuk mewakilkan kuasa dan tugas)

- Mana-mana Undang-Undang negeri, Yang Dipertua Negeri mempunyai kuasa untuk menjalankan mana-mana kuasa atau melaksanakan apa-apa tugas yang difikirkannya boleh, mewakilkan kuasa atau tugas kepada mana orang dengan nama atau pejabat tertakluk kepada syarat dan sekatan yang ditetapkan.

(Yang di-Pertua Negeri boleh mewakilkan kuasanya tertakluk kepada syarat dan sekatan yang ditetapkan)

Seksyen 2A (Kuasa Kabinet untuk mewakilkan kuasa dan tugas)

- Mana-mana Undang-Undang negeri, Kabinet mempunyai kuasa untuk menjalankan mana-mana kuasa atau melaksanakan apa-apa tugas yang difikirkannya boleh, mewakilkan kuasa atau tugas kepada mana orang dengan nama atau pejabat tertakluk kepada syarat dan sekatan yang ditetapkan.

(Kabinet boleh mewakilkan kuasa atau tugas tertakluk kepada syarat dan sekatan yang ditetapkan)

Seksyen 3 (Kuasa Menteri untuk mewakilkan kuasa dan tugas)

- Mana-mana Undang-Undang negeri, Ketua Menteri mempunyai kuasa untuk menjalankan mana-mana kuasa atau melaksanakan apa-apa tugas yang difikirkannya boleh, mewakilkan kuasa atau tugas kepada mana-mana orang atas nama atau pejabat tertakluk kepada syarat dan sekatan yang ditetapkan.

(Ketua Menteri boleh mewakilkan kuasa atau tugas tertakluk kepada syarat dan sekatan)

Seksyen 4 (Pelaksanaan kuasa oleh pembantu Menteri)

- Tertakluk kepada peruntukan pada mana-mana undang-undang negeri sedia ada, semua tindakan, perintah atau arahan yang dibuat secara sah atau diberikan, dalam melaksanakan mana-mana kuasa atau dalam menjalankan mana-mana tugas yang diberikan atau dikehendaki oleh mana-mana undang-undang negeri, oleh KM atau Menteri boleh, tertakluk kepada mana-mana arahan yang diberikan olehnya, hendaklah sah dan dibuat atau diberi atau bagi pihaknya dan dibuat atas namanya oleh mana-mana pegawai dibawah kawalan tadbirnya dan dengan nyata atau tersirat memberi kuasa olehnya amnya atau khasnya.
- Suatu sijil bertulis bagi maksud di buat oleh KM atau menteri bahawa mana-mana orang pada masa itu pegawai di bawah kawalan tadbirnya atau bahawa mana-mana pegawai dengan nyata atau tersirat dibenarkan olehnya untuk berbuat demikian atau membenarkan beberapa tindakan, perintah atau arahan hendaklah menjadi bukti sah bagi fakta yang dinyatakan di dalam sijil itu.

(boleh dilaksanakan tapi perlu disahkan terlebih dahulu dengan nyata)

Seksyen 5 (Pengesahan tindakan dan sebagainya)

- Di mana apa-apa tindakan, perintah atau arahan telah dibuat atau diberi kepada pegawai dengan niat baik dan berupa tindakan atas nama dan bagi pihak KM atau menteri tetapi tanpa diberi kuasa, dan suatu tindakan, perintah atau arahan telah dibuat dengan sah atau dibuat oleh pegawai di bawah s.4 enakmen ini seolah-olah dia telah diberi kuasa, KM atau menteri, dalam sesuatu hal, **boleh mengesahkan tindakan atau membenarkan tindakan, perintah atau arahan itu dan pada masa sama hendaklah berkuat kuasa pada tarikh pada mana ia telah dibuat atau diberi kepada pegawai itu yang telah diberikan kuasa itu.**
- Dengan syarat suatu pengesahan itu hendaklah berkuat kuasa yang membenarkan mana-mana orang kepada apa-apa tuntutan bagi pampasan atau penalti, pelucuthakan atau denda sekiranya dia tidak diberikan kuasa bagi apa-apa hal yang berlaku sebelum tarikh pada mana suatu pengesahan itu telah dibawa kepada pengetahuannya atau ianya diberi notis di dalam warta, mana-mana yang terdahulu.

Seksyen 6 (Perwakilan tidak menghalang pelaksanaan kuasa oleh orang yang diberi kuasa yang sama)

- Mana-mana orang adalah diberikuasa untuk mewakilkan kuasa bagi melaksanakan mana-mana kuasa atau menjalankan apa-apa tugas yang diberikan kepadanya oleh UU negeri, tiada perwakilan dibuat di bawahnya yang menghalang orang itu daripada melaksanakan tau menjalankan pada bila-bila masa mana-mana kuasa atau tugas yang diwakilkan.

Seksyen 7 (Tiada perwakilan kuasa tertentu)

- Tiada mana-mana Bahagian dalam Enakmen ini membenarkan perwakilan apa-apa kuasa untuk **membuat peraturan kepada mana-mana orang di bawah Undang-Undang negeri.**



CONTOH SOALAN DAN JAWAPAN

2016 Siri 1, 2014 Siri II

12. Dengan merujuk kepada Enakmen Perwakilan Kuasa 1963:

Bolehkah Kabinet mewakilkan kuasa-kuasa dan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepadanya dan sekiranya boleh kepada siapakah kuasa-kuasa dan tugas-tugas tersebut boleh diwakilkan?

(b) Adakah mana-mana kuasa tertentu yang tidak boleh dikuasakan?

2016 Siri 1, 2014 Siri II

12. Dengan merujuk kepada Enakmen Perwakilan Kuasa 1963:

(a) Bolehkah Kabinet mewakilkan kuasa-kuasa dan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepadanya dan sekiranya boleh kepada siapakah kuasa-kuasa dan tugas-tugas tersebut boleh diwakilkan?

Di bawah seksyen 2A Enakmen 1963, Kabinet mempunyai kuasa untuk menjalankan mana-mana kuasa atau melaksanakan apa-apa tugas yang difikirkannya boleh, mewakilkan kuasa atau tugas kepada mana orang dengan nama atau pejabat tertakluk kepada syarat dan sekatan yang ditetapkan.

(b) Adakah mana-mana kuasa tertentu yang tidak boleh dikuasakan?

Di bawah seksyen 7 Enakmen 1963, tiada mana-mana Bahagian dalam Enakmen ini membenarkan perwakilan apa-apa kuasa untuk membuat peraturan kepada mana-mana orang di bawah undang-undang negeri.

2015 Siri II, 2014 Siri I

10. Terangkan mengapa perwakilan kuasa di bawah Enakmen Perwakilan Kuasa 1963 diperlukan dan adakah sebarang kuasa tertentu yang tidak boleh diwakilkan?

Perwakilan kuasa di bawah Enakmen Perwakilan Kuasa 1963 diperlukan bagi membolehkan kuasa-kuasa Yang di-Pertua Negeri, Kabinet dan Menteri diwakilkan kepada mana-mana orang di bawah seksyen 2, 2A dan 3 Enakmen tersebut.

Di bawah seksyen 7 Enakmen 1963, tiada perwakilan kuasa untuk membuat peraturan undang-undang negeri.